

## Semangat Sukarelawan: Kefahaman dan Penghayatan Pelajar Kolej Komuniti Ledang

Noorashikin binti Saari<sup>1</sup>, Nur Fadhilah binti Rosidee<sup>2</sup>, Hanim binti Abdul Rahim<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Kolej Komuniti Ledang, Tangkak, Johor

### ABSTRAK

Aktiviti sukarelawan atau khidmat masyarakat semakin berkembang dan mendapat perhatian umum pada masa kini bukan sahaja di kalangan bukan kerajaan (NGO) malahan ia menjadi perkara signifikan kepada institusi pengajian tinggi. Kajian ini penting untuk menentukan kefahaman dan penghayatan pelajar Kolej Komuniti Ledang (KKLJ) terhadap aktiviti sukarelawan yang dianjurkan oleh KKLJ mahupun pihak luar. Kajian ini menggunakan kaedah kaji selidik yang diukur melalui skala likert. Responden yang terlibat seramai 168 orang pelajar KKLJ, 54.8% lelaki dan 45.2% perempuan, terdiri daripada 42.9% dari semester satu, 3.6% semester dua dan 53.6% semester tiga. Responden merupakan pelajar bagi program Sijil Kenderaan Ringan (SKR) 23.2%, Sijil Pengoperasian Perniagaan (SPP) 17.9%, Sijil Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara (SPU) 22.6% dan Sijil Pastri (SPT) 36.3%. Peratusan mengikut bangsa adalah Melayu 91.1%, Cina 2.4% dan India 6.5%. Hasil kajian menggunakan Ujian *Alpha Cronbach* menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi bagi pelajar KKLJ terhadap aktiviti sukarelawan iaitu 0.775 tahap kefahaman dan 0.908 tahap penghayatan. Sebanyak 36.9% pelajar pernah menyertai aktiviti sukarelawan dan mereka memahami peranan sebagai seorang sukarelawan. Manakala sebanyak 63.1% pelajar tidak pernah menyertai aktiviti sukarelawan yang dianjurkan oleh pihak KKLJ mahupun pihak luar. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar program sukarelawan perlu diberi pendedahan yang luas dan fokus yang mendalam kepada pelajar KKLJ di samping mengadakan program motivasi berkaitan kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap semangat sukarelawan sedia ada dan akan datang.

**Kata Kunci:** Sukarelawan, kefahaman, penghayatan

### 1.0 PENGENALAN

Kesukarelawan sering kali dikaitkan dengan aktiviti amal yang dijalankan terhadap golongan memerlukan. Bantuan dan khidmat sokongan diberikan amat luas, termasuklah dalam konteks pembangunan komuniti, pendidikan, kesihatan, sosioekonomi, pertanian, alam sekitar, bencana, kebajikan, perpaduan dan banyak lagi. Ia memerlukan penyertaan aktif belia dan masyarakat tanpa mengira latar belakang, agama dan bangsa. Menjadi sukarelawan tidak memerlukan sijil akademik yang tinggi. Cukuplah mempunyai ciri penting sukarelawan seperti suka, rela dan ikhlas. Perkataan sukarela, berdasarkan Kamus Dewan sendiri bermaksud dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa-paksa, tidak dikerah dan dengan rela hati. Di dalam institusi pendidikan Tinggi khususnya Kolej Komuniti terdapat satu program yang diberi nama Briged Sukarelawan Kolej Komuniti. Maka yang demikian menjadi tanggungjawab institusi khususnya tenaga pengajar untuk memupuk semangat kesukarelawan mahasiswa Kolej Komuniti Ledang sejak dari awal lagi iaitu dari semester pertama lagi. Hal ini bertepatan dengan *Key Performance Indicator* (KPI) yang diletakkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti yang menetapkan sasaran di dalam KPI 6 yang mahu melibatkan para pelajar Kolej Komuniti dan Politeknik di dalam aktiviti sukarelawan samada pada peringkat institusi, komuniti setempat mahupun masyarakat yang lebih besar. Aktiviti sukarelawan tersebut secara tidak langsung menjadi batu asas kepada semangat ingin membantu tanpa mengira agama, bangsa, status mahupun warna kulit. Selain dari itu melalui aktiviti sukarelawan yang disertai mampu memupuk

personaliti diri yang lebih bertanggungjawab seterusnya mewujudkan jatidiri yang positif yang mampu memacu ke arah gaya hidup bersosial yang berimpak dan memberikan kesan yang baik di kalangan masyarakat. Melalui artikel yang dikeluarkan oleh Berita Harian bertarikh 10 Ogos 2017 bertajuk *Memperkasa Semangat Kesukarelawan dikalangan Mahasiswa menyatakan penyertaan penglibatan mahasiswa di universiti masih berada pada tahap yang kurang memuaskan*. Melalui artikel yang dikeluarkan ini secara tidak langsung membawa pengkaji untuk mengkaji sejauhmana Pelajar Kolej Komuniti Ledang memahami dan menghayati semangat kesukarelawan melalui program sukarelawan yang dilaksanakan samada dari pihak institusi mahupun luar institusi.

## 2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN/ MASALAH KAJIAN

Kajian berkaitan belia dan program kesukarelawan di Malaysia: Satu Kajian Empirikal yang telah dilaksanakan oleh Tuan Pah Rokiah Syed Hussain dan Lilah Yasin (2016). Di dalam kajian ini pengkaji mengkaji berkaitan dua perkara iaitu berkaitan kefahaman dan juga penghayatan belia. Kajian ini mendapati responden sememangnya mempunyai kefahaman yang baik tentang semangat kesukarelawan tetapi penghayatan mengenai semangat kesukarelawan masih lagi rapuh berdasarkan beberapa item kajian yang mengukur kekangan belia melibatkan diri di dalam aktiviti sukarelawan seperti berhadapan masalah kewangan membantu masyarakat, berdepan dengan penyakit, berdepan dengan suasana kotor, diri yang tidak terurus dan kekurangan kemudahan asas akibat dari kejadian yang tidak diingini.

Kekangan tersebut telah mengundang perasaan tidak gembira atau seronok dan menyebabkan program sukarelawan yang sepatutnya dilaksanakan dengan perasaan rela bertukar menjadi terpaksa melakukannya di mana perasaan ikhlas itu tidak lagi wujud di dalam jiwa belia. Kesimpulan dari kajian yang dilakukan diatas mendapati bahawa isu penghayatan semangat kesukarelawan yang lemah dikalangan belia wajar diberikan perhatian khusus dan kajian lebih mendalam perlu dilaksanakan.

Sebelum Briged Sukarelawan Kolej Komuniti diperkenalkan kepada para pelajar Kolej Komuniti, pihak institusi sangat menggalakkan pelajar terlibat dengan program *One Malaysian For Youth (IM4U)* dimana ianya boleh menyemai semangat kesukarelawan dikalangan remaja belia atau Generasi Y (Utusan Malaysia, 2012). Melalui pelan tindakan yang terkandung di dalam Dasar Belia Negara adalah untuk meningkatkan semangat kesukarelawan dan patriotisme melalui kerja amal, kebajikan dan masyarakat. Walaupun banyak program sukarelawan telah dianjurkan samada dari dalam institusi mahupun luar institusi tetapi penghayatan masih lagi rapuh.

Berdasarkan rencana Berita Harian bertarikh 3 Januari 2021 bertajuk “Pupuk Kesukarelawan, Subur Nilai Kemanusiaan” menyatakan minda kesukarelawan negatif akan memberi kesan kurang baik terhadap masyarakat di mana sikap mereka akan semakin menjauh, menjadi semakin tinggi sifat keakuan walaupun tinggal bersama dalam satu komuniti. Masyarakat perlu sedar, tanpa tenaga sukarelawan, kemungkinan dasar dan agenda pembangunan negara tidak tercapai. Aktiviti pembangunan yang memerlukan penyertaan belia juga sukar dilaksanakan jika semangat kesukarelawan dalam kalangan golongan ini pudar. Oleh itu, pentingnya di sini Institusi Pengajian Tinggi khususnya Kolej Komuniti menjadi wadah ke arah pengembangan semangat kesukarelawan ini memandangkan populasi umur pelajar dalam lingkungan 18 hingga 25 tahun sangat sesuai dan menjadi golongan sasaran mengaktifkan semangat kesukarelawan di dalam diri.

## 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenalpasti tahap kefahaman dan penghayatan pelajar di Kolej Komuniti Ledang terhadap aktiviti kesukarelawan.
- ii. Membantu pihak pengurusan merancang aktiviti/program kesukarelawan yang lebih bersesuaian dengan kefahaman pelajar bagi mencapai KPI 6 yang ditetapkan dalam Kamus KPI JPPKK.

#### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah bagi menjalankan kajian adalah melalui tinjauan berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Penggunaan borang soal selidik yang dibangunkan secara atas talian adalah melalui platform *google form* dan pautan borang soal selidik dikongsi dengan pelajar KKLJ. Kajian rintis telah dijalankan bagi memperolehi nilai alpha Cronbach di mana nilai kebolehpercayaan instrumen yang diperolehi adalah 0.775 bagi item kefahaman manakala 0.908 bagi item penghayatan.

Item bagi instrumen soal selidik yang digunakan adalah telah diadaptasi dan diubahsuai mengikut keperluan terhadap kajian berdasarkan kajian terdahulu oleh Tuan Pah Rokiah Syed Hussain (2016) dan Shahrom Md Zain (2015). Skala likert di Jadual 1 digunakan bagi pilihan jawapan pada responden terhadap soalan yang dikemukakan.

Jadual 1: Pengkelasan Skala Likert

Skala Likert	Pengkelasan
1	Sangat tidak setuju (STS)
2	Tidak setuju (TS)
3	Kurang setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat setuju (SS)

Borang soal selidik terdiri daripada tiga bahagian utama seperti di Jadual 2 dan responden dikehendaki menjawab semua soalan.

Jadual 2: Bahagian borang soal selidik

Bahagian	Tajuk
1	Maklumat pelajar
2	Kefahaman pelajar terhadap sukarelawan
3	Penghayatan pelajar terhadap semangat kesukarelawan

Data yang diperolehi melalui soal selidik akan dinilai dengan menggunakan analisis statistik dan berpandukan interpretasi skor min seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Interpretasi Skor Min

Skor min	Interpretasi / Tahap
1.00 – 1.89	Sangat rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat tinggi

Sumber: Baharuzaini, Muhammad Hisham dan Mohd Hanif (2018)

#### 5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis data bahagian satu adalah merujuk pada maklumat pelajar seperti di Jadual 4 dan jumlah keseluruhan pelajar yang menjawab soal selidik adalah seramai 168 orang.

Jadual 4: Analisis data maklumat pelajar

Bil.	Item	Maklumat	Peratus (%)
1	Program	Sijil Pastrri (SPT)	36.3
		Sijil Servis Kenderaan Ringan (SKR)	23.2
		Sijil Pengoperasian Perniagaan (SPP)	17.9
		Sijil Teknologi Penyejukan & Penyamanan Udara (SPU)	22.6
2	Semester	Satu	42.9
		Dua	3.6
		Tiga	53.6
3	Jantina	Lelaki	54.8
		Perempuan	45.2
4	Bangsa	Melayu	91.1
		Cina	2.4
		India	6.5
		Lain-lain	0.0

Analisis data bahagian dua pada Jadual 5 adalah merujuk pada kefahaman pelajar terhadap kesukarelawan yang tidak menggunakan skala likert manakala lapan item soalan yang menggunakan pilihan jawapan berdasarkan skala likert adalah seperti di Jadual 6.

Jadual 5: Analisis data kefahaman pelajar berdasarkan jawapan yang diberikan

Bil	Item	Maklumat	Jawapan
1	Adakah anda pernah menyertai aktiviti/ program sukarelawan yang dianjurkan oleh pihak kolej atau agensi luar	Ya	36.9 %
		Tidak	63.1 %
2	Nyatakan nama aktiviti / program sukarelawan yang pernah disertai. (sekiranya berkaitan)	Nama program	Bantuan makanan pada gelandangan
			Kelab Rakan Muda Pagoh
			Program sumbangan Aidilfitri anak yatim SK Penghulu Salleh, Batu Pahat , Johor
			Iktikaf Ramadhan Sahabat YADIM Negeri Melaka
			Sukarelawan membersihkan zoo
			Sukarelawan membersihkan Gunung Ledang
			Misi bantuan banjir
			Lawatan Amal di Gunung Ledang Resort
Sukarelawan membersihkan masjid			

Jadual 6 : Analisis data kefahaman pelajar terhadap kesukarelawan

Bil	Item ujian	Min	SD	Kekerapan (%)					Interpretasi Min
				1	2	3	4	5	
1	Aktiviti sukarelawan adalah aktiviti yang dibuat tanpa paksaan.	4.47	0.568	0.0	0.6	1.8	47.6	50.0	Sangat tinggi
2	Aktiviti sukarelawan dapat mendidik seseorang menjadi lebih bertanggungjawab, prihatin dan penyayang.	4.55	0.510	0.0	0.0	0.6	43.4	56.0	Sangat tinggi
3	Aktiviti sukarelawan dapat membangunkan kemahiran komunikasi	4.48	0.524	0.0	0.0	1.8	50.0	48.2	Sangat tinggi

4	Aktiviti sukarelawan merupakan aktiviti yang membantu kesejahteraan manusia.	4.46	0.588	0.0	0.0	1.2	51.2	47.6	Sangat tinggi
5	Aktiviti kesukarelawan dapat meningkatkan keyakinan diri.	4.46	0.524	0.6	0.0	1.2	48.8	49.4	Sangat tinggi
6	Aktiviti kesukarelawan sesuai untuk orang yang berkemampuan sahaja.	2.93	1.221	13.1	26.2	29.8	19.6	11.3	Sederhana
7	Aktiviti sukarelawan penting di Institusi Pengajian Tinggi bagi mewujudkan perasaan terhadap penghayatan kesukarelawan.	4.27	0.663	0.6	0.6	6.5	54.8	37.5	Tinggi
8	Sukarelawan adalah seorang yang mempunyai keikhlasan hati tanpa mengharapkan sebarang ganjaran.	4.40	0.561	0.0	0.6	1.8	53.6	44.0	Sangat tinggi
Purata:		4.3	0.6	1.8	3.5	5.6	46.1	43.0	Sangat tinggi

Merujuk kepada jadual 6, terdapat lapan item soalan pada bahagian kefahaman pelajar dan tujuh daripadanya menunjukkan skor min yang sangat tinggi dan tinggi kecuali item enam menunjukkan skor min sederhana. Oleh itu, majoriti pelajar KKLJ mempunyai kefahaman yang sangat tinggi terhadap kesukarelawan. Ini juga memudahkan pihak Kelab Briged Sukarelawan KKLJ dalam merancang aktiviti/ program berkaitan sukarelawan yang lebih bersesuaian dengan kefahaman pelajar.

Jadual 7 : Analisis data penghayatan pelajar terhadap semangat kesukarelawan

Bi I	Item ujian	Min	SD	Kekerapan (%)					Interpretasi Min
				1	2	3	4	5	
1	Pelaksanaan aktiviti sukarelawan melalui subjek seperti Kemahiran Insaniah atau program kolej dapat meningkatkan semangat kesukarelawan di kalangan pelajar.	4.31	0.524	0.0	0.0	3.0	63.1	33.9	Sangat tinggi
2	Aktiviti sukarelawan dapat memberi peluang kepada anda untuk berbakti kepada masyarakat	4.43	0.542	0.0	0.0	2.4	52.4	45.2	Sangat tinggi
3	Aktiviti sukarelawan dapat membantu anda memahami dengan lebih dekat permasalahan/ situasi sebenar di kalangan masyarakat	4.38	0.556	0.0	0.0	3.5	54.8	41.7	Sangat tinggi
4	Aktiviti sukarelawan dapat memberi manfaat dan pengalaman terhadap pembentukan sahsiah dan pembangunan diri anda	4.36	0.539	0.0	0.0	3.0	58.3	38.7	Sangat tinggi
5	Aktiviti sukarelawan dapat menjadikan anda lebih menghargai kehidupan	4.42	0.530	0.0	0.0	1.8	54.7	43.5	Sangat tinggi

6	Anda sedia membantu masyarakat yang berada dalam keadaan tidak terurus.	4.04	0.721	1.2	2.4	9.5	64.3	22.6	Tinggi
7	Anda sedia menghadapi kekangan kewangan dalam membantu masyarakat.	3.91	0.725	0.6	3.0	18.5	60.1	17.8	Tinggi
8	Anda sedia berhadapan dengan penyakit dan suasana kotor dalam membantu aktiviti sukarelawan.	4.08	0.738	0.6	3.0	10.7	58.9	26.8	Tinggi
9	Anda sedia mematuhi semua SOP akibat pandemik Covid-19 dalam menyertai aktiviti sukarelawan.	4.36	0.668	1.2	0.6	1.7	54.2	42.3	Sangat tinggi
10	Anda sedia membantu masyarakat secara ikhlas walaupun diri sendiri menghadapi masalah.	4.20	0.720	0.6	1.8	8.9	54.8	33.9	Tinggi
11	Penghayatan dalam konteks semangat kesukarelawan perlu terbentuk dari aspek kefahaman dan tanggapan yang baik terhadap masalah masyarakat	4.30	0.522	0.0	0.0	3.0	63.7	33.3	Sangat tinggi
12	Penghayatan dalam konteks semangat kesukarelawan perlu terbentuk melalui motivasi dan dorongan dari pihak seperti masyarakat, kerajaan, media massa dan badan bukan kerajaan (NGO)	4.24	0.614	0.0	2.4	2.4	63.7	31.5	Tinggi
Purata:		4.3	0.6	0.4	1.1	5.7	58.6	34.3	Sangat tinggi

Berdasarkan jadual 7, purata bagi interpretasi min adalah sangat tinggi dengan skor min 4.3. Item 2 menunjukkan skor min paling tinggi dengan nilai 4.43 di mana responden ingin mengambil peluang berbakti kepada masyarakat melalui aktiviti sukarelawan. Namun begitu, responden masih belum bersedia menghadapi kekangan kewangan dalam membantu masyarakat dalam aktiviti sukarelawan dengan skor min paling rendah iaitu sebanyak 3.91. Ini kerana responden merupakan pelajar yang masih di bawah tanggungan dan sebahagian dari mereka merupakan penerima Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK) dengan jumlah pendapatan bulanan keluarga sebanyak RM3000.00 ke bawah.

## 6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini melihat secara khusus tahap kefahaman dan penghayatan pelajar di KKLJ terhadap sukarelawan. Memandangkan kefahaman dan penghayatan pelajar di dalam sukarelawan ini berada di tahap yang sangat tinggi maka institusi dapat melibatkan pelajar dengan situasi semasa negara seperti sukarelawan banjir dan membantu komuniti yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Kajian ini diharap dapat membantu pihak pengurusan KKLJ dalam penganjuran aktiviti kesukarelawan melalui Briged Sukarelawan Kolej Komuniti (BrisK) seterusnya mencapai sasaran KPI 6 yang ditetapkan oleh Kamus KPI JPPKK. Di samping itu, pihak pengurusan KKLJ perlu memperkasakan promosi berkaitan aktiviti Briged Sukarelawan supaya lebih ramai pelajar berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan. Cadangan kajian berikutnya mengenai faktor motivasi bagi menarik minat dan komitmen pelajar KKLJ mempengaruhi penglibatan mereka dalam aspek kualiti kesukarelawan.

## RUJUKAN

- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Lilah Yasin (2016). *Belia dan program Kesukarelawan di Malaysia: Satu kajian empirikal*, Malaysian Journal of Society and Space 12 issue 10 (183 - 194) 183© 2016, ISSN 2180-2491.
- Shahrom Md Zain, Muhammad Imran Mohd Junaidi & Noor Elin Ahmad Basri (2015). *Sukarelawan Alam Sekitar: Penerimaan dan Kefahaman Pelajar*, Jurnal Personalia Pelajar 18 (75-84).
- Arina Malin Alias & Vishalache Balakrishnan (2016). *Impak Kesukarelawan Dalam Kalangan Belia di Kuala Lumpur: Satu Kajian*, Jurnal Kepimpinan Pendidikan Oktober 2016 Bil. 3 Isu 4.
- Normah Awang Noh, Lukman Z.M & Fazil Ahmad (2020). *Motivasi Penglibatan Sukarelawan dalam Aktiviti Kesukarelawan Mahasiswa Universiti Awam*, Asian Journal of Civilization Studies Volume 2, Issue 4, 2020, e-ISSN 2682-8022
- Nawi, N. R. C. & Asumi, A. (2013). *Motivasi Sukarelawan Terhadap Penglibatan Dalam Kerja Sukarela di Yayasan Salam Malaysia*. Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDEC 2013) 88-92.
- Zain, S. M, Mahmood N. A, Basri, N. E. A, Zawawi, M. A, Mamat, L. F. & Saad N. F. M. (2014), Februari 11-12. *Ekorelawan Kejuruteraan dan Pendidikan Kelestarian*. Kongress Pengajaran dan Pembelajaran UKM 1-12.
- Tajul, A. M, Aishah, N. M. A. (2013). *Motif Penglibatan Sukarelawan Sukan Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Tahap Kepuasan Diri*. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38 (2): 51-59.
- Malaysia, Bahagian Pembangunan Belia. (1997). *Dasar Pembangunan Belia Negara*. Jabatan Belia dan Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan Negara.
- Berita Harian* (2021 Januari 3). *Pupuk kesukarelawan, subur nilai kemanusiaan*.  
<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/01/771477/pupuk-kesukarelawan-subur-nilai-kemanusiaan>
- Berita Harian* (2017 Februari 13). *Kesukarelawan harus jadi identiti mahasiswa*.  
<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2017/02/247572/kesukarelawan-harus-jadi-identiti-mahasiswa>